



BORANG JAMINAN

Untuk Kegunaan Pejabat

No. CIF :

MAKLUMAT PENJAMIN

Nama:		Jantina : <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
No. K/P Baru:	No. K/P Lama / Tentera / Polis :	
Alamat kediaman:		
Bandar:	Negeri:	Poskod:
Tarikh Lahir:	Taraf Perkahwinan:	Bil. Tanggungan :
Bangsa:	Agama:	Gelaran :
Tel. Kediaman:	Tel. Bimbit:	Warganegara :
Jenis kediaman: <input type="checkbox"/> Kediaman Sendiri <input type="checkbox"/> Keluarga/Majikan <input type="checkbox"/> Sewa <input type="checkbox"/> Lain-lain _____		
Alamat Emel :		Hubungan dengan pemohon :
Nama Ibu :		

MAKLUMAT PEKERJAAN PENJAMIN

Majikan:		
Alamat Majikan:		
Bandar :	Negeri:	Poskod:
Jawatan:	Gaji bulanan (RM) :	Tempoh berkhidmat : bulan tahun
No. Tel :	No. Fax :	

PEMBIAYAAN / DEPOSIT SEDIA ADA PENJAMIN DI BANK RAKYAT DAN INSTITUT KEWANGAN LAIN

Nama & Cawangan Bank	Jenis Pembiayaan / Deposit (RM)	Jumlah Pembiayaan / Deposit (RM)	Ansuran Bulanan (RM)

MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN

1 Pendapatan Bulanan (RM)		2 Perbelanjaan Bulanan (RM)	
a. Gaji / pendapatan kasar penjamin	:	a. Saraan keluarga	:
b. Gaji / pendapatan bersih pasangan	:	b. Bayaran balik pinjaman	:
c. Lain-lain (nyatakan)	:	- Perumahan	:
	:	- Kenderaan	:
	:	c. Lain-lain (nyatakan)	:
A JUMLAH (a+b+c)	:	B JUMLAH (a+b+c)	:
		LEBIHAN BERSIH (A – B)	:

PENGAKUAN PENJAMIN

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa :

- Saya seperti dinyatakan di atas, mengaku bahawa saya menjadi PENJAMIN kepada _____ untuk pembiayaan sebanyak RM_____ dan pihak tuan dibenarkan untuk merujuk kepada majikan atau wakil Bank saya.
- Segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan dokumen-dokumen lain adalah benar tanpa menyembunyikan maklumat yang mungkin mempengaruhi permohonan saya.
- Saya bukanlah seorang yang muflis seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Kebankrapan 1967. Saya akan memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh 7 hari sekiranya saya berada dalam proses kebangkrapan.
- Saya membenarkan pihak tuan menghubungi majikan atau mana-mana pihak untuk mendapatkan sebarang keterangan mengenai diri saya dan seterusnya membenarkan mereka memberi keterangan yang diperlukan oleh pihak tuan.
- Saya mengaku bahawa saya tidak mempunyai kemudahan di institusi kewangan lain selain dari maklumat yang diberikan di atas.

6. Saya mengaku bahawa isteri/suami dan/atau ibu/bapa dan/atau anak-anak saya tidak bekerja dengan Bank Rakyat atau mana-mana syarikat Bank Rakyat.
7. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada Bank yang tidak boleh dibatal tanpa syarat untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan kemudahan kewangan saya di Bank bagi apa-apa tujuan sekalipun kepada Cawangan Bank, Anak-anak Syarikat Bank, Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Kredit Pusat (Central Credit Unit), Sistem Maklumat Kredit Pusat (CCRIS), Biro Maklumat Cek dan agensi lain yang diluluskan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, pemegang serahan hak yang dibenarkan dan diberikuasa oleh Bank.
8. Saya mengaku bahawa saya bukanlah mana-mana pengarah dan/atau warga kerja Bank Rakyat.

Saya dengan ini **membenarkan / tidak membenarkan*** pihak Bank Rakyat mendapatkan maklumat peribadi kredit dari Syarikat Credit Tip Off Services Sdn. Bhd. (CTOS). Maklumat yang diperolehi hanya boleh digunakan bagi tujuan permohonan pembiayaan sahaja.

(*Nota : potongan yang mana tidak berkenaan)

HAK-HAK DAN TANGGUNG JAWAB PENJAMIN KE ATAS PEMBIAYAAN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMINJAM

1.1 HAK PENJAMIN

- 1.1 Penjamin diberikan tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pengesahan penerimaan surat pendedahan hutang piutang untuk menarik balik keputusan beliau sebagai penjamin.
- 1.2 Penjamin berhak menerima salinan dokumen-dokumen berikut daripada Bank :
 - 1.2.1 Penyata akaun peminjam sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun
 - 1.2.2 Surat-surat peringatan dan tuntutan kepada peminjam
 - 1.2.3 Surat tuntutan kepada mahkamah
- 1.3 Bank perlu memperolehi kebenaran bertulis dari penjamin sebelum boleh menawarkan kemudahan kredit tambahan melebihi RM5,000.00 kepada peminjam.
- 1.4 Sekiranya Bank tidak dapat menuntut jumlah yang terhutang daripada peminjam selepas satu (1) tahun dari tarikh Bank memulakan tindakan undang-undang (memfailkan saman) ke atas peminjam, tindakan undang-undang ke atas penjamin boleh diambil.
Walaupun bagaimanapun, syarat larangan di atas akan terbatal sekiranya halangan masa (time-bared) terhadap penjamin dikenakan.
- 1.5 Penjamin yang menjelaskan kesemua jumlah yang dituntut dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penghakiman ke atas penjamin, tidak akan dikehendaki membayar keuntungan tambahan ke atas jumlah yang dituntut mulai dari tarikh peminjam ingkar.
- 1.6 Bank boleh membenarkan peminjam memohon untuk menarik diri dari terus menjadi penjamin sekiranya :
 - 1.6.1 Penjamin baru yang dikemukakan dipersetujui oleh Bank
 - 1.6.2 Penjamin bersetuju untuk menerima segala tanggungan lama, sedia ada dan yang akan datang, yang dipikul oleh penjamin sekarang berhubung dengan pembiayaan tersebut

Nota : Dalam keadaan seperti ini, Bank juga dikehendaki mengikut kesemua syarat-syarat sebelum tandatangan dokumen untuk penjamin baru termasuk tempoh lima (5) hari bekerja untuk penjamin menarik balik keputusan beliau.

- 1.7 Penghakiman yang diperolehi terhadap penjamin hanya boleh dilaksanakan oleh Bank dalam keadaan seperti berikut:
 - 1.7.1 Bank telah selesai melaksanakan sekurang-kurangnya salah satu daripada tindakan berikut :
 - a) Writ penyitaan dan penjualan
 - b) Penahanan gaji
 - c) Perintah larangan
 - d) Perintah yang digarnish
 - e) Prosedur kebangkrapan dan peminjam masih gagal menjelaskan jumlah yang dituntut
 - 1.7.2 Walaupun tindakan undang-undang telah atau sedang diambil terhadap peminjam. Bank boleh memulakan tindakan ke atas penjamin-penjamin, dimana sekiranya tindakan tersebut tidak diambil akan dihalang oleh had masa terhadap penjamin-penjamin.
 - 1.7.3 Bank tidak dapat mengambil tindakan ke atas peminjam kerana peminjam tidak dapat dikesan (selepas menjalankan penyampaian ganti), telah meninggal dunia atau diisytiharkan bankrap.

2.0 TANGGUNG JAWAB PENJAMIN

- 2.1 Tertakluk kepada para 1.5, penjamin-penjamin bertanggung jawab secara bersama dan berasingan, ke atas semua jumlah wang asal bersama-sama dengan jumlah keuntungan yang dikenakan (sebelum dan selepas penghakiman) dan lain-lain caj yang bersabit dengan pembiayaan.
- 2.2 Selagi peminjam diisytiharkan bankrap, peminjam tidak berhak membuktikan notis tuntutan hutang (proof of debt) sehingga akaun tersebut diselesaikan terlebih dahulu.
- 2.3 Jaminan ini tidak akan terbatal walaupun dengan kematian peminjam atau penjamin menjadi tidak siuman tetapi ia juga mengikat waris-waris dan harta benda penjamin sehingga semua jumlah yang dituntut dijelaskan sepenuhnya.
- 2.4 Lain-lain tanggungan/tanggungjawab penjamin adalah seperti yang dinyatakan di dalam surat jaminan bank (Letter of Guarantee) yang akan ditandatangani oleh penjamin.

Tandatangan Penjamin

Tarikh :